

# BULETIN JP

*Cakna, Kongsi Demi Manfaat*



> DPM

> DRM

> DPR

> DAG

**EDISI 2025**

# AKJ

## ANUGERAH KETUA JABATAN 2025

**21 April 2025 | Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah**

Majlis Anugerah Ketua Jabatan Perdagangan dianjurkan untuk meraikan para pelajar Jabatan Perdagangan yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sesi 1 2024/2025. Program ini bertujuan memberi penghargaan kepada pelajar berprestasi tinggi serta menjadi pemangkin motivasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik pada sesi akan datang.



Selain itu, majlis ini berperanan mengenal pasti pelajar yang berpotensi dalam bidang akademik dan kokurikulum, di samping menggalakkan peningkatan prestasi secara berterusan. Majlis tersebut dianjurkan oleh Commerce Club, Jabatan Perdagangan dan telah berlangsung pada 21 April 2025 (Isnin) bertempat di Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah.



# Tahniah

PENERIMA AKJ 2025

# KASPER


KEJOHANAN SUKAN PERDAGANGAN

**28–30 Oktober 2025 | Politeknik Sultan Azlan Shah**

Kejohanan KESPER 2025 berjaya menghimpunkan 720 pelajar dalam pelbagai acara sukan bagi menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan interaksi antara program, serta mencungkil bakat-bakat baharu untuk persediaan SUPSAS. Program ini bukan sahaja menggalakkan kerjasama pasukan, malah mengeratkan hubungan dalam komuniti pelajar.



Pelajar menunjukkan semangat tinggi dan motivasi yang positif sepanjang pertandingan. Banyak maklum balas menyatakan bahawa program ini sangat bermanfaat, menyeronokkan, dan wajar diteruskan pada masa hadapan. Antara cadangan penambahbaikan ialah melibatkan lebih banyak jenis sukan agar penyertaan dapat diperluas. Tahniah dan terima kasih kepada semua AJK, peserta, dan penyokong yang menjayakan KESPER 2025. Semoga semangat kesukanan dan kekitaan ini terus subur dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan.



# RAMADAN BOX 1446H/2025M

**21 Mac 2025 | PSAS & SEKITAR DAERAH MUALLIM**

"Ramadhan Box" adalah bertujuan untuk mengajak orang ramai untuk menyantuni dan meraikan warga Politeknik Sultan Azlan Shah dan komuniti Muallim yang kurang berkemampuan dalam

Sebanyak 200 kotak yang bernilai RM100 telah diedarkan kepada 200 buah keluarga di sekitar daerah Muallim. Program ini julung kali dilaksanakan pada tahun 2017 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf PSAS dan para penderma yang prihatin. Justeru, penganjuran program ini diteruskan bagi kali ke 8 pada tahun ini.

Program ini dianjurkan bagi menyantuni warga PSAS dan komuniti Daerah Muallim yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut bulan Ramadhan. Melalui program ini, warga PSAS berpeluang berkongsi rezeki dan menyebarkan kegembiraan kepada golongan yang memerlukan.

Penganjuran ini turut memperkukuh komitmen PSAS sebagai institusi yang prihatin serta sentiasa relevan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial demi kesejahteraan komuniti setempat.



# **PSAS INNOVATION PROJECT PRESENTATION & EXHIBITION - COMMERCE DEPARTMENT 2025 (PSAS IPPEX - COMMERCE DEPARTMENT)**

**5 November 2025 | Dewan Mualim, Politeknik Sultan Azlan Shah  
(PSAS)**

Program ini dianjurkan oleh Unit Projek, Jabatan Perdagangan, sebagai inisiatif untuk memperkukuh budaya inovasi, kreativiti dan penerapan teknologi dalam kalangan pelajar.

Penganjuran IPPEX 2025 selaras dengan pencapaian CLO dan PLO bagi kursus Business Project (DPB50183), Retail Project (DPR50134) dan Marketing Project (DPM50173). Melalui program ini, pelajar diberi ruang untuk mempamerkan projek inovasi yang merangkumi bidang Perniagaan, Pemasaran dan Peruncitan, seterusnya mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari bagi menghasilkan idea serta penyelesaian yang relevan kepada keperluan industri masa kini.



Program ini turut melibatkan penglibatan tiga orang panel industri yang dijemput bagi memberikan penilaian profesional dan pandangan konstruktif terhadap projek pelajar. Panel industri yang terlibat adalah Encik Nabeel Bin Othman selaku Pengarah Saudagar Property Enterprise, Encik Faisal Bin Abdullah selaku Pengarah Urusan Nasihat Niaga Tech Sdn. Bhd dan Puan Rohashima Binti Ramli selaku HR Division manager Home Product Center (Malaysia) Sdn. Bhd. Seramai 171 pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 5 bagi Program DRM, DPM dan DPR telah membentangkan produk inovasi kepada panel.

Senarai pemenang PSAS IPPEX - Commerce Department 2025

### **Kategori Program DRM**

1. Box Quick Response Parcel Service
2. AI Smart Tyre Inventory
3. Virtual Fitting Experience

### **Kategori Program DPM**

1. BioBrick
2. Lumicompose Candle
3. Green Blade Innovation

### **Kategori Program DPR**

1. Growbot AI
2. Festigo
3. Togo



PSAS IPPEX - Commerce Department 2025 telah berjaya mencapai objektif penganjuran dengan menyediakan platform pembelajaran berimpak tinggi, di samping memperkukuh pemahaman pelajar terhadap inovasi, reka bentuk projek, dan penyelesaian perniagaan berasaskan teknologi. Program ini diharapkan dapat meneruskan peranan dalam melahirkan pelajar yang kompeten, kreatif dan bersedia menghadapi keperluan industri semasa.



# INCORP.MY DI ICOMPEX 2025



International Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2025 (iCompEx 2025) sekali lagi menjadi medan pertemuan para pencipta dan inovator di peringkat antarabangsa. Tahun ini, suasana di dewan pameran begitu meriah dengan pelbagai idea baharu yang dipersembahkan – daripada teknologi hijau hingga aplikasi digital. Salah satu inovasi yang menjadi sorotan bagi kategori P&P berjaya mencuri perhatian juri ialah peserta: Incorp.my. Pingat Emas yang diraih bukan sahaja mengiktiraf keunggulan Incorp.my, tetapi menjadi bukti bahawa inovasi tempatan mampu bersaing dengan idea global.

Inovasi Incorp.My dibangunkan sebagai aplikasi mudah alih dan web yang mensimulasikan proses penubuhan syarikat di Malaysia, khususnya bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran kursus DPA30083 Undang-undang Syarikat. Aplikasi ini bertujuan untuk mempermudah pemahaman pelajar mengenai prosedur penubuhan syarikat secara digital melalui penggunaan borang interaktif, panduan langkah demi langkah, pemuatan naik dokumen sokongan, serta pengesahan automatik bagi memastikan ketepatan data. Selain itu, aplikasi ini membolehkan pengguna memantau status permohonan mereka secara masa nyata.

Keistimewaan projek ini terletak pada pendekatan mesra pengguna yang menjadikan teknologi lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.



# **BEST RESEARCH PAPER 1st Runner Up Award (Professional Education Category): International Conference of Law, Accounting & Finance (ICLAF 2025)**



Tajuk Kajian :

Programme Educational Objectives (PEO) Achievement and Continuous Quality Improvement in TVET Accounting Education : Implications for SDG-Oriented Graduate Outcomes

Penyelidik:

1. Nurulhuda Md Saad
2. Dr. Rohaida Ismail
3. Aznin Nazarudin

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan JP, PSAS dalam memperkukuh kualiti penyelidikan dan pendidikan TVET ke arah melahirkan graduan yang berdaya saing serta berorientasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Tahniah sekali lagi diucapkan atas kejayaan yang membanggakan!

# TikTok Onlinepreneurs Challenge & Inspiring Talks with Creators POLYCC Perak 2025

2-3 September 2025 | Politeknik Bagan Datuk

Pelajar Program Pengurusan Peruncitan, Jabatan Perdagangan PSAS telah berjaya mengharumkan nama politeknik apabila meraih tempat pertama dalam kategori **Most Viral Product Award**

Pasukan hebat ini terdiri daripada:

1. Muhammad Zakwan bin Mohd Anuar Musaad
2. Mohamad Amin bin Hairuzi
3. Ahmad Farihin Al Hakim bin Mohd Shahril

Dengan bimbingan Pusat Pengurusan Keusahawanan (EMAC) PSAS, kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar Jabatan Perdagangan mampu menggabungkan ilmu keusahawanan+kreativiti digital

Tahniah sekali lagi & semoga terus menjadi inspirasi buat pelajar lain untuk berkarya dan berinovasi!



**DRM**

**DIPLOMA  
PENGURUSAN  
PERUNCITAN**

# CSR: SHORE LINE SHINE: EARTH REVIVE!



Program CSR Shore Line Shine, Earth Revive @ Teluk Senangin merupakan satu inisiatif yang dijalankan oleh Unit Diploma Pengurusan Peruncitan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Program ini memberi fokus kepada usaha pemuliharaan pantai serta meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap penjagaan alam semula jadi.

Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk:

Mengurangkan pencemaran di kawasan Pantai Teluk Senangin.

Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan kebersihan persekitaran.

Memupuk sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar dan pengurusan sisa.



# PSAS EDURAYA @ MANJUNG: Save Turtle, Build Bond



Sebuah inisiatif pendidikan dan khidmat masyarakat yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan penyu serta memupuk hubungan antara pelajar, komuniti dan alam sekitar. Program ini dirancang untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan hidupan marin, khususnya penyu, yang semakin diancam kepupusan akibat pencemaran, pembangunan pesisir dan ancaman pemangsa.

Melalui pelbagai aktiviti seperti ceramah, lawatan lapangan, sesi pendidikan alam sekitar dan aktiviti sukarelawan, program ini menyediakan peluang pembelajaran secara langsung. Peserta dapat mendekati habitat penyu, memahami proses penetasan telur, serta mengetahui langkah-langkah pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dan organisasi pemeliharaan. Pendekatan *hands-on* ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan, tetapi juga menanam rasa tanggungjawab terhadap kelestarian hidupan laut.



Selain aspek pemuliharaan, program ini turut menekankan pembinaan hubungan (build bond) dalam kalangan pelajar, komuniti dan agensi terlibat. Aktiviti berpasukan dan kerjasama dalam misi pemeliharaan membantu mengukuhkan nilai kemanusiaan seperti empati, tanggungjawab sosial dan semangat kesukarelawanan. Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja bertujuan melestarikan alam tetapi juga membina masyarakat yang lebih prihatin dan berpengetahuan.

# IIEP FROM PLAN TO PURCHASE



# EXPLORING THE AUTHENTIC RETAIL VISUAL MERCHANDISING AT IKEA



Program ini merupakan satu program pembelajaran luar bilik darjah yang memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik dan strategi visual merchandising yang digunakan oleh IKEA. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan peserta kepada kaedah sebenar yang diaplikasikan dalam dunia peruncitan moden, khususnya bagaimana susun atur produk dan reka bentuk ruang mampu mempengaruhi pengalaman serta keputusan membeli pelanggan.

Melalui program ini, peserta berpeluang menganalisis secara langsung elemen-elemen utama seperti pengurusan ruang, pencahayaan, warna, tema bilik, konsep laluan pelanggan (customer flow), serta teknik penceritaan visual yang menjadi kekuatan utama IKEA. Pemerhatian di premis sebenar membolehkan peserta memahami bagaimana setiap susunan dipilih secara strategik untuk menarik perhatian, memudahkan navigasi, dan meningkatkan nilai persepsi terhadap produk.

Selain memberi pendedahan praktikal, program ini juga membantu peserta menghubungkan teori pembelajaran dengan aplikasi dunia sebenar, seterusnya meningkatkan pemahaman dalam bidang pemasaran, peruncitan, dan reka bentuk visual. Program ini bukan sahaja menambah ilmu dan pengalaman industri, tetapi juga mengembangkan kemahiran analisis, kreativiti dan apresiasi terhadap strategi pemasaran visual yang berkesan dalam persekitaran perniagaan sebenar.





**DPR**  
DIPLOMA  
PEMASARAN

# Lawatan Akademik Pelajar ke Pulau Pangkor

Program Lawatan Akademik Pemasaran Perkhidmatan Antarabangsa ke Pulau Pangkor merupakan satu inisiatif pembelajaran berasaskan pengalaman yang bertujuan memberi pendedahan langsung kepada pelajar Diploma Pemasaran mengenai pengurusan, operasi dan strategi pemasaran dalam industri perkhidmatan. Melalui lawatan ini, pelajar berpeluang melihat sendiri bagaimana sektor pelancongan di Pulau Pangkor diuruskan, termasuk cara penyedia perkhidmatan menarik pengunjung dan mengekalkan kualiti pengalaman pelancong.



Program ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman teori pelajar, tetapi turut membantu membina kemahiran insaniah seperti komunikasi, pemerhatian kritikal dan kerja berpasukan. Dengan pengalaman lapangan ini, pelajar dapat menghubungkan pembelajaran kelas dengan situasi sebenar, sekaligus memperkukuh persiapan mereka untuk menceburi kerjaya dalam bidang pemasaran dan pengurusan perkhidmatan pada masa hadapan.

# DIGITAL DETOX MINDFULNESS FOR BUSY LECTURERS



Kursus ini direka khas untuk membantu para pensyarah “bernafas semula” daripada kesibukan rutin kerja melalui aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman yang santai tetapi mencabar.

Antara aktiviti utama ialah *maze escape (spy game)* yang menguji kerjasama, komunikasi serta kebolehan berfikir secara kritis di bawah tekanan masa—sama seperti situasi sebenar di tempat kerja.

Program ini bertujuan membina semangat kerja berpasukan, mengeratkan hubungan sesama staf, dan meningkatkan suasana kerja yang lebih harmoni dan produktif. Peserta juga didedahkan dengan kemahiran penyelesaian masalah secara kolaboratif, sekaligus melahirkan pasukan kerja yang lebih proaktif, positif dan yakin menghadapi cabaran.

Antara pengisian kursus termasuk taklimat teamwork, perbincangan pembentukan pasukan berprestasi tinggi, serta cabaran *Spy Game* yang penuh strategi dan keseronokan. Terima kasih kepada semua peserta yang menjayakan program ini—semoga momentum positif ini terus berkembang! 💪🧠🌟

**DPM**

**DIPLOMA  
PENGAJIAN  
PERNIAGAAN**

# LAWATAN AKADEMIK DPP20023 INTRODUCTION TO INTERNATIONAL BUSINESS

**6 Oktober 2025 | Mitsui Outlet Park KLIA Sepang dan Ajinomoto (Malaysia) Berhad Manufacturing**

Program Lawatan Akademik DPP20023 *Introduction to International Business* ke Mitsui Outlet Park KLIA Sepang dan Ajinomoto (Malaysia) Berhad Manufacturing telah disertai oleh pelajar Diploma Pengajian Perniagaan semester 3 yang mengambil kursus DPP20023 *Introduction to International Business*. Lawatan ini merupakan salah satu aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar berkenaan kursus yang diambil.

Pada sesi 1, pelajar telah mengadakan aktiviti *explore race* di Mitsui Outlet Park KLIA Sepang di mana pelajar telah mendapatkan jenama2 antarabangsa yang beroperasi di Mitsui Outlet Park KLIA Sepang.

Untuk sesi seterusnya, para pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan berkaitan pasaran antarabangsa, termasuk cara produk Ajinomoto menembusi pasaran Malaysia, operasi pengeluaran produk bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar negara, serta pelbagai aspek lain yang berkaitan.


Program ini bukan sahaja menarik malah dapat memupuk nilai etika dan sahsiah yang tinggi apabila pelajar berurusan dengan pihak industri.



# BENGKEL ANALISA KEWANGAN SYARIKAT BAGI KURSUS DPB40123 BUSINESS FINANCE

**23 September 2025 | Dewan Kuliah JP, PSAS**

Program yang melibatkan pelajar Kursus DPB40123 *Business Finance* ini bertujuan memberi pendedahan praktikal dalam menganalisis penyata kewangan syarikat sebenar melalui penggunaan nisbah kewangan serta interpretasi prestasi syarikat. Sepanjang bengkel, pelajar diberikan penerangan asas analisis



kewangan, diikuti aktiviti perbincangan dan pembentangan hasil analisis. Bengkel turut menampilkan penceramah jemputan, En. Fariduddin bin Ibnu Herman, Pengurus Agensi dari Hijjaz Beyond Consultancy, yang memiliki tauliah sebagai Perancang Kewangan Islam. Beliau berkongsi pandangan industri berkaitan aplikasi analisis kewangan dalam dunia sebenar. Melalui penglibatan ini, pelajar berjaya meningkatkan kefahaman terhadap teknik analisis kewangan, menguasai pengiraan nisbah utama serta mengembangkan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Secara keseluruhan, bengkel ini berjaya mencapai objektifnya dengan membantu pelajar mengaplikasikan teori kewangan dalam situasi perniagaan sebenar, sekaligus menyokong pembelajaran kursus Business Finance.




# SEMINAR BUSINESS COMMUNICATION : BICARA CEMERLANG, PERSONALITI GEMILANG

**3 September 2025 | Dewan Kuliah Utama , PSAS**

Seminar Business Communication : “Bicara Cemerlang, Personaliti Gemilang” telah melibatkan pelajar-pelajar Kursus DPB20082 *Business Communication*. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik komunikasi berkesan sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan.

Program ini turut menampilkan Dr. Nurul Hasyimah binti Mat Rani, Pengarah Pusat Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, sebagai penceramah jemputan yang berkongsi ilmu serta pengalaman berkaitan komunikasi berkesan dalam konteks profesional.





Program ini dianjurkan bagi mencapai beberapa objektif utama, antaranya memberi pendedahan kepada pelajar tentang prinsip asas komunikasi di tempat kerja merangkumi etika, saluran komunikasi yang sesuai serta kepentingan kejelasan dan keberkesanan penyampaian maklumat. Selain itu, program ini melatih pelajar mengaplikasikan kemahiran komunikasi berkesan dalam konteks organisasi melalui aktiviti seperti pembentangan, perbincangan berkumpulan dan simulasi situasi tempat kerja.

Program ini juga membantu pelajar mengenal pasti dan mempamerkan ciri-ciri komunikasi berkesan termasuk keyakinan, kejelasan, empati, bahasa badan positif serta kemahiran mendengar secara aktif.

Pelaksanaan seminar ini diharapkan dapat meningkatkan imej dan personaliti diri pelajar agar lebih positif, yakin, dan profesional dalam menghadapi cabaran kerjaya.





# **DAC**

DIPLOMA  
PERAKAUNAN

# BEYOND THE CLOUD: THE FUTURE OF ACCOUNTING



## 10 Oktober 2025 | Dewan Kuliah JP, PSAS

Program Beyond the Cloud telah berjaya menghimpunkan pelajar semester 1 Diploma Perakaunan bagi memberi pendedahan awal tentang struktur program, hala tuju kerjaya dan keperluan industri perakaunan masa kini. Melalui sesi perkongsian daripada alumni dan rakan industri, pelajar mendapat gambaran jelas tentang realiti dunia kerja serta ciri-ciri penting yang perlu dikuasai dalam bidang perakaunan.



Sepanjang program, pelajar mengikuti siri slot seperti Digital Ledger: Embracing the Next Era, Numbers with Purpose dan Leadership Insight yang membantu meningkatkan kefahaman akademik, kemahiran insaniah serta keyakinan diri untuk menjadi bakal graduan TVET yang berkualiti. Program ini turut mengukuhkan hubungan kolaboratif antara PSAS, alumni dan industri demi manfaat jangka panjang kepada pelajar.

Tahniah kepada semua penceramah, pensyarah, urus setia dan pelajar yang terlibat. Program ini membuktikan komitmen Jabatan Perdagangan dalam menyediakan pendidikan yang relevan, berimpak dan berpaksikan keperluan industri. 🌐📊🌟

# KONSULTANSI ASAS MICROSOFT WORD

**10 Januari 2025 | Makmal Komputer JP, PSAS**

Program Konsultasi Asas Microsoft Word anjuran Unit Akauntansi, Jabatan Perdagangan (JP), PSAS telah diadakan pada 9 Januari 2025 bertempat di Makmal Komputer JP. Program yang dianjurkan pada peringkat komuniti ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas penggunaan Microsoft Word termasuk cara menyediakan dokumen baharu, menetapkan format muka surat, menyusun format jadual, memaparkan grafik serta menghasilkan dokumen dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Di samping itu, program ini turut berperanan mengukuhkan hubungan kerjasama antara PSAS dan komuniti setempat melalui perkongsian ilmu serta memupuk budaya khidmat sokongan dalam meningkatkan kemahiran masyarakat sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Perdagangan, Puan Norhazlin binti Mohamed Ali. Sesi pembelajaran pertama telah dikendalikan oleh Puan Aznin binti Nazarudin yang memberi tumpuan kepada penyediaan dokumen baharu, pemilihan templat, pemformatan teks, penetapan muka surat, penggunaan tema, serta penyusunan jadual.

Selepas selesai sesi pertama, program diteruskan dengan sesi kedua yang disampaikan oleh Puan Norlizawati binti Abd Rahman, merangkumi teknik memaparkan grafik dalam dokumen seperti memasukkan dan memformat gambar, *Clip Art*, *Shapes*, *WordArt* dan *SmartArt*.

Selain itu, peserta turut didedahkan kepada cara mencipta *drop cap*, menyediakan *hyperlinks* serta menghasilkan dokumen dalam format *softcopy* dan *hardcopy*.

Secara keseluruhannya, program ini memberi impak yang positif apabila peserta berjaya menguasai kemahiran asas Microsoft Word yang penting dalam tugas harian. Selain itu, program ini telah membuka ruang kepada pembelajaran berterusan serta menjadi jambatan yang mengeratkan lagi hubungan antara institusi dan komuniti. Usaha sebegini diyakini mampu meningkatkan keupayaan masyarakat dalam menghadapi perkembangan teknologi masa kini.

**POLITEKNIK MALAYSIA**  
SULTAN AZLAN SHAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# KONSULTANSI ASAS MICROSOFT WORD



**PENCERAMAH :  
PUAN AZNIN | PUAN NORLIZAWATI**

**PESERTA : PELAJAR SRITI MUALLIM**

**BERTEMPAT DI :  
MAKMAL KOMPUTER JABATAN  
PERDAGANGAN, PSAS**

**KHAMIS  
9 JANUARY 2025** **MASA  
9.00AM - 1.30PM**

MALAYSIA MADANI POLYCC

[f](#)
[d](#)
[@PSASOFFICIAL](#)
[@PSASOFFICIAL](#)
[POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH](#)
[WWW.PSAS.EDU.MY](#)



# FROM CAMPUS TO CORPORATE

**28 Ogos 2025 |  
Dewan Titanium, PLPL, PSAS**

Program ini dianjurkan oleh Unit Perakaunan, Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Access Ideas (M) Sdn. Bhd., dan melibatkan pelajar Semester 5 Diploma Akauntansi.

Inisiatif ini diadakan bagi memberi pendedahan awal kepada mahasiswa terhadap dunia pekerjaan

sebenar serta membantu mereka memahami kehendak industri semasa yang semakin mencabar dan berorientasikan kemahiran.

Sepanjang program, pelajar telah diberi pendedahan dan latihan yang menekankan kepentingan menguasai kemahiran komunikasi efektif. Selain itu, penerapan nilai positif, integriti dan akauntabiliti turut ditekankan bagi memastikan pelajar mampu mengamalkan amalan perakaunan yang betul mengikut piawaian yang ditetapkan.

Program ini turut membimbing pelajar untuk merangka plan tindakan peribadi dan profesional yang boleh membantu mereka membina potensi diri serta meningkatkan kebolehpasaran dalam industri. Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan impak yang signifikan dalam mempersiapkan pelajar sebagai graduan yang kompeten, yakin dan bersedia melangkah ke alam kerjaya.



# LAWATAN AKADEMIK MALAYSIAN TAXATION: WHAT YOU NEED TO KNOW

**1 Oktober 2025 |  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Ipoh,  
Perak**

Satu program Lawatan Akademik Malaysian Taxation: What You Need To Know telah diadakan pada 1 Oktober 2025 bertempat di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Ipoh, Perak. Ia melibatkan seramai 12 orang pelajar semester 4 dan 3 orang pensyarah Unit Diploma Perakaunan. Program ini dianjurkan oleh Unit Diploma Perakaunan, Jabatan Perdagangan, sebagai inisiatif untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dalam bidang pencukaian. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Ipoh, Perak.



Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) merupakan badan yang sangat penting sebagai agen peningkatan ilmu dalam tadbir urus pencukaaian di Malaysia. Semua maklumat terkini berkenaan pencukaaian akan dikongsi oleh pihak LHDN dengan para pelajar bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan tadbir urus pencukaaian di Malaysia seperti mana yang dipelajari dalam kursus *DPA40133 Malaysian Taxation 1*.

Penganjuran Lawatan Akademik Malaysian Taxation: What You Need To Know selaras dengan pencapaian CLO dan PLO bagi kursus *DPA40133 Malaysian Taxation 1*. Melalui lawatan ini pelajar telah memperolehi pemahaman tentang fungsi dan peranan LHDN, pengetahuan tentang sistem pencukaaian di Malaysia, pendedahan kepada transformasi digital LHDN, pengetahuan tentang peluang kerjaya serta kesedaran tentang kepentingan pematuhan cukai.

Para pelajar dan pensyarah telah mendapat penerangan yang terperinci berkenaan pencukaaian daripada Puan Aisha Zahra Binti Qutubudin, Eksekutif Hasil, Unit Pendidikan Cukai dan Puan Nazmin Binti Nazril, Eksekutif Hasil Kanan II, LHDN.

Secara keseluruhan, lawatan ke LHDNM telah memberi manfaat besar kepada pelajar dari aspek pengetahuan dan pengalaman. Lawatan ini bukan sahaja mengukuhkan pemahaman akademik tetapi turut meningkatkan minat pelajar terhadap bidang percukaian. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan pembelajaran pelajar lebih holistik dan relevan dengan keperluan industri.



*Kenali*

**KETUA PROGRAM**

# KETUA PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN



Puan Norashikin bt Rosli merupakan Ketua Program Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Beliau memulakan perkhidmatan sebagai pensyarah politeknik pada 18 Januari 2011 di Politeknik Ungku Omar. Beliau percaya pendidikan adalah kunci untuk membuka potensi diri dan mencapai kejayaan. Beliau juga merupakan graduan Universiti Teknologi MARA dalam bidang pentadbiran perniagaan (Insurans) dan turut memiliki Level 3 Diploma Digital Entrepreneurship dan merupakan master trainer yang di latih oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Beliau sentiasa berusaha untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang terbaik kepada pelajar-pelajar politeknik.

Sebagai Ketua Program, Puan Norashikin sentiasa mengutamakan akademik, disiplin dan kualiti yang dapat menyumbang kepada kecemerlangan diri agar graduan Politeknik dalam bidang Pengajian Perniagaan adalah graduan yang mempunyai kemahiran yang relevan dengan keperluan industri, serta mempunyai nilai-nilai baik yang dapat menyumbangkan kepada kemajuan negara dan masyarakat.

# KETUA PROGRAM DIPLOMA PERAKAUNAN

Puan Aznurullaili binti Ahmad Sarkawi merupakan Ketua Program Diploma Perakaunan di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), dilantik secara rasmi pada 21 Julai 2025. Beliau adalah seorang pendidik yang berdedikasi serta mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional khususnya dalam pengurusan serta pengajaran program perakaunan.

Setelah menamatkan pengajian dalam Diploma Perakaunan di PSAS pada tahun 2006, beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari tahun 2006 hingga 2010. Minat yang mendalam terhadap aspek pengurusan organisasi membawa beliau untuk meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di UiTM Sabah pada tahun 2011 hingga 2013.

Sebagai Ketua Program Diploma Perakaunan, beliau bertanggungjawab menyelaras hal ehwal akademik program, termasuk perancangan kurikulum, pemantauan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, penyelarasan jadual kursus, memastikan pematuhan standard akreditasi, serta memantau perkembangan pelajar dari aspek akademik. Beliau juga berperanan memastikan hubungan industri diperkukuh melalui latihan industri, penceramah jemputan dan aktiviti kolaborasi yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dengan pengalaman luas dan komitmen tinggi, beliau terus berusaha menjadikan Program Diploma Perakaunan PSAS sebagai program yang berkualiti dan relevan dengan kehendak industri semasa.



# KETUA PROGRAM DIPLOMA PEMASARAN



Puan Hajah Nor Azzila Binti Azmi memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi pada 16 November 2011 di Politeknik Sultan Azlan Shah. Bergraduasi dari Universiti Teknologi Mara dalam bidang Pemasaran, beliau menggunakan kepakaran akademik dan pengalaman pengajaran untuk membimbing pelajar-pelajar di Jabatan Perdagangan, terutamanya mereka yang mengikuti Diploma Pemasaran.

Berpengalaman luas mengajar kursus teori dalam bidang Pemasaran seperti Product and Service Marketing, Consumer Behavior, Services Marketing, Principles of Marketing, Marketing Project dan sebagainya.

Beliau sentiasa menekankan penglibatan aktif pelajar, pengaplikasian konsep yang dipelajari ke dalam situasi industri sebenar, dan sentiasa menerapkan hubungan baik dengan pelajar bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, interaktif, serta relevan dengan keperluan semasa.

Komitmen beliau adalah melahirkan graduan Diploma Pemasaran yang bukan sahaja kompeten, tetapi mampu bersaing dalam dunia kerjaya dengan penuh yakin.

Harapan beliau, dengan kesatuan jiwa warga DPR dan Jabatan Perdagangan PSAS, Program DPR mampu terus berkembang ke arah menyediakan pendidikan holistik dan mencorakkan pelajar menjadi aset kepada masyarakat dan mengangkat imej Politeknik Sultan Azlan Shah.

# **DRM: MEMPERKASA GENERASI PROFESIONAL RUNCIT YANG BERDAYA SAING DAN BERSEDIA MENGHADAPI MASA HADAPAN**



## **PERSPEKTIF KETUA PROGRAM, DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)**

**PENULIS: NURUL ASHIKIN BINTI MD TAIB**

Dalam persekitaran industri runcit yang semakin pesat berubah, program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) memainkan peranan penting dalam membentuk graduan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga cekap, berdisiplin dan mampu beradaptasi dengan kehendak pasaran semasa. Sebagai Ketua Program, matlamat utama saya adalah memastikan program DRM terus kekal relevan, berkualiti dan memberikan impak yang signifikan kepada pembangunan pelajar.

### **1. Industri Runcit Masa Kini: Dinamik dan Berdaya Saing**

Industri runcit hari ini memerlukan tenaga kerja yang mampu memahami operasi secara menyeluruh, daripada pengurusan pelanggan, pengurusan premis, penyusunan ruang, hingga kepada analisis tingkah laku pengguna. Perubahan landskap runcit yang dipacu teknologi turut menuntut graduan untuk berfikir secara kritis dan bertindak dengan pantas serta tepat.

Program DRM menyediakan asas kukuh kepada pelajar untuk memahami realiti industri ini melalui pendekatan pembelajaran yang tersusun, sistematik dan praktikal.

## 2. Pembelajaran Berasaskan Simulasi: Menghubungkan Teori Dengan Realiti Industri

Salah satu kekuatan utama program DRM adalah pelaksanaan simulasi komprehensif yang merentasi kursus-kursus utama seperti:

- Customer Service
- Retail Store Operation
- Visual Merchandising
- Retail Store Management
- Inventories Management
- Retail Buying
- Retail Promotion



Melalui simulasi ini, pelajar dikehendaki melaksanakan pelbagai aktiviti secara hands-on, termasuk transaksi sebenar, seolah-olah mereka menguruskan sebuah kedai runcit yang beroperasi setiap hari. Antara kemahiran yang dipraktikkan oleh pelajar ialah:

- Pengendalian transaksi kewangan sebenar
- Pengurusan stok, penerimaan barang dan rekod inventori
- Pembangunan dan pemasangan visual display mengikut tema serta konsep
- Pelaksanaan rutin operasi harian
- Pengurusan customer interaction
- Perancangan dan eksekusi promosi runcit

Pendekatan amali ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar terhadap proses runcit sebenar, tetapi turut membentuk disiplin, kerjasama, daya tahan dan keupayaan menyelesaikan masalah. Sifat ini yang menjadi keutamaan dalam industri runcit moden.

### 3. Pembangunan Kemahiran Insaniah

Selain kemahiran teknikal, program DRM memberi penekanan terhadap pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, pengurusan masa, kepimpinan, empati, kerjasama kumpulan dan etika kerja. Industri runcit menuntut graduan yang mampu berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan mengurus situasi mencabar dengan tenang dan profesional.

Kemahiran ini menjadikan pelajar DRM lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan dan menyesuaikan diri dengan budaya kerja sebenar.

### 4. DRM Sebagai Program Berorientasikan Masa Depan

Perkembangan teknologi, automasi dan perubahan tingkah laku pengguna memberi kesan langsung kepada sektor runcit. Selaras dengan perubahan ini, program DRM sentiasa dikemas kini mengikut keperluan industri agar graduan memiliki pemikiran yang maju, fleksibel dan berdaya tahan.

Pelajar DRM dididik untuk:

- Mempunyai pemikiran yang terbuka bersedia menerima perubahan
- Memahami keperluan runcit moden
- Menguasai asas digital yang berkaitan sektor runcit
- Menjadi sebahagian daripada tenaga kerja kompeten yang diperlukan oleh industri

Inilah nilai tambah yang memastikan DRM kekal sebagai program yang future-driven.



## **5. Komitmen Jabatan: Menyampaikan Pengalaman Pembelajaran Berimpak Tinggi**

Kejayaan pelaksanaan DRM adalah hasil komitmen tenaga pengajar yang sentiasa berusaha memastikan proses pengajaran dan pembelajaran kekal berkesan, relevan dan berkualiti tinggi. Kerjasama dengan pemain industri turut diperkukuhkan bagi memberikan pendedahan sebenar kepada pelajar.

Kami percaya bahawa pendidikan berkualiti memerlukan usaha berterusan, penyelarasan berstrategi dan sokongan daripada semua pihak dalam jabatan.

### **Penutup**

DRM bukan sekadar program akademik, tetapi platform pembinaan diri yang membentuk pelajar menjadi individu yang yakin, berilmu dan bersedia memasuki dunia pekerjaan. Dengan gabungan teori, latihan amali dan sokongan pensyarah, saya yakin pelajar DRM mampu menjadi profesional runcit yang berdaya saing serta relevan dengan keperluan industri masa hadapan.



*Karya  
Kreatif*

# CERPEN MOTIVASI: “LILIN DI JENDELA KECIL”

Oleh: Helmerizah Bt Mohd Din

Di sebuah pekan kecil bernama Seri Murni, tinggal seorang guru muda bernama Cikgu Arissa. Setiap pagi, beliau berjalan ke sekolah sambil membawa beg kain lusuh yang dipenuhi kertas latihan, penanda warna, dan sebuah hati yang penuh harapan.

Kelas 3 Delima terkenal dengan pelajar yang “aktif luar biasa”. Ada yang suka berlari tanpa sebab, ada yang selalu termenung, ada juga yang suka bertanya soalan pelik-pelik. Namun, bagi Cikgu Arissa, mereka bukan masalah—mereka adalah dunia kecil yang menunggu untuk difahami.

Suatu hari, ketika sesi pembelajaran Bahasa Melayu, seorang murid bernama Danial tiba-tiba berkata, “Cikgu... saya sebenarnya tak pandai. Apa pun saya buat salah.”

Kelas berubah hening. Cikgu Arissa duduk di sebelahnya, memandangi wajah kecil itu dengan penuh lembut.

“Danial,” katanya pelan, “orang belajar bukan sebab mereka sudah pandai. Mereka belajar sebab mereka ingin jadi pandai. Cikgu ada di sini untuk bantu kamu, bukan untuk menghukum kamu.”

Danial mengangkat wajah, matanya mula berair.

“Kalau saya cuba lagi... cikgu marah tak kalau saya salah lagi?”

“Tidak. Salah itu tanda kamu bergerak ke depan.”



Sejak hari itu, Danial mula berubah. Tulisannya semakin kemas, tangannya semakin rajin angkat. Walaupun tidak sempurna, setiap usaha kecilnya adalah satu kemenangan.

Pada hari terakhir sebelum cuti, Danial datang kepada Cikgu Arissa dengan sekeping kertas dilipat empat.

“Cikgu... saya lukis cikgu.”

Dalam lukisan itu, Cikgu Arissa digambarkan sebagai lilin kecil yang menyala, diletakkan di tepi jendela kelas.

“Kenapa lilin?” tanya Cikgu Arissa sambil tersenyum.

“Sebab cikgu bagi cahaya. Walaupun kecil... tapi cukup untuk saya nampak jalan.”

Cikgu Arissa tersentuh.

Pada saat itu, beliau sedar—menjadi pendidik bukan soal gaji, bukan soal penat, bukan soal tekanan. Ia tentang menjadi cahaya kecil yang membantu generasi baru menemui jalan mereka. Lilin mungkin kecil, tetapi cahayanya mampu mengubah gelap menjadi harapan.

Dan di jendela kecil kelas 3 Delima, lilin itu terus menyala—hari demi hari, hati demi hati.

**TAMAT**



# TEAM PENERBITAN



Penasihat  
Norhazlin binti Mohamed Ali



Penyelaras/Ketua Editor  
Samihah binti Abdul Latif



Editor  
Has Syalihah binti Mohamad Irani

Jutaan terima kasih buat semua staf Jabatan Perdagangan atas usaha, masa dan idea yang dicurahkan bagi menjadikan Buletin JP Edisi 2025 suatu realiti. Semoga ianya terus menjadi wadah penghasilan karya dan perkongsian berguna buat kita semua.

*Buletin JP  
Cakna, Kongsi Demi Manfaat  
@ Politeknik Sultan Azlan Shah  
Edisi 2025*

# **BULETIN JP** EDISI 2025

*Hak Cipta Terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.*

*Diterbitkan oleh :  
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH  
Behrang Stesyen, 35950 Behrang, Perak.  
Tel : 05-4544431  
Faks: 05-4544993  
Email : [propsas@polycc.edu.my](mailto:propsas@polycc.edu.my)*



*Politeknik Sultan Azlan Shah  
Behrang Stesyen, 35950 Behrang, Perak.*

